

<input type="checkbox"/>	Utusan Malaysia
<input checked="" type="checkbox"/>	Mingguan Malaysia
Tarikh:	20/7/2014
Hari:	AHAD M/S: 8
Ruangan:	TRAGEDI PESAWAT MH17

Tembak MH17 malukan Rusia

Oleh SHARIFAH AZMAWATI
SYED ABDUL AZIZ
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 19 Julai - Pihak yang menembak pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 di Ukraine kelmarin mungkin mahu menyampaikan mesej tersirat kepada penduduk dunia apabila menembak pesawat komersial yang langsung tidak mempunyai kaitan atau konflik politik dengan negara tersebut.

Penganalisis politik yang juga pensyarah Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), **Dr. Mohd. Azizuddin Mohd. Sani** (gambar) berkata, tindakan menembak pesawat komersial mungkin sengaja dilakukan

Ini adalah salah satu usaha untuk Ukraine menarik perhatian dunia dan dalam masa sama menyampaikan mesej kepada Rusia supaya berundur daripada merebut Wilayah Crimea

MOHD. AZIZUDDIN MOHD. SANI

Pensyarah Pusat Pengajian Antarabangsa UUM

oleh pihak berkenaan dalam usaha menghalau Rusia keluar daripada merebut Wilayah Crimea.

"Ini adalah salah satu usaha untuk Ukraine menarik perhatian dunia dan dalam masa sama menyampaikan mesej kepada Rusia supaya berundur daripada merebut

Wilayah Crimea.

"Menembak pesawat komersial dilihat lebih berkesan dan pantas dalam menyampaikan mesej tersebut sekali gus menggambarkan betapa Ukraine tidak akan berganjak daripada pendiriannya sebelum ini," katanya kepada *Mingguan Ma-*



MOHD.
AZIZUDDIN



CHANDRA
MUZAFFAR

laysia ketika dihubungi di sini.

Beliau mengulas insiden pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 yang dipercayai ditembak oleh puak pemisah Ukraine semalam sekali gus mengorbankan 298 orang termasuk anak kapal.

Mohd. Azizuddin berkata, tinda-

kan menembak pesawat MH17 juga bertujuan memperhebatkan sekatan ekonomi ke atas musuhnyanya, Rusia.

"Dalam pesawat MH17 ada ramai penumpang yang melibatkan banyak negara antaranya Belanda, Jerman, Australia, Malaysia dan beberapa negara lagi.

"Jadi, apabila mereka menembak pesawat komersial, mereka mahukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengambil tindakan dengan mengenakan sekatan ekonomi ke atas Rusia sekali gus boleh melumpuhkan negara itu," katanya.

Sementara itu, Presiden Gerakan Keadilan Sedunia (JUST), **Dr. Chandra Muzaffar** menyifatkan tindakan pihak berkenaan menembak MH17 bertujuan meledakkan kemarahan

masyarakat antarabangsa terhadap Rusia.

Katanya, usaha itu dilihat lebih berkesan selepas Rusia langsung tidak mahu beralah dalam konflik politik yang melibatkan kedua-dua negara tersebut.

"Mereka tembak pesawat komersial untuk membangkitkan kemarahan masyarakat dunia sekali gus memudahkan lagi usaha untuk mendapatkan sokongan kuasa-kuasa besar seperti PBB dan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO)," katanya.

Chandra bagaimanapun berkata, segala tindakan susulan selepas ini hanya boleh diambil jika kotak hitam pesawat MH17 dijumpai untuk mengheret mereka yang bersalah ke muka pengadilan antarabangsa.